

# Pelajar UMS dari S'jung, Sarawak dibenar pulang sejak 20 November

DE 25.11.2020 P.3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memberikan kebenaran kepada pelajar termasuk dari Semenanjung dan Sarawak untuk pulang ke kampung masing-masing bermula Jumaat lepas (20 November).

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Masidi Manjun, yang juga merupakan jurucakap rasmi Covid-19 kerajaan negeri, berkata keputusan itu dibuat setelah pihak universiti mendapat banyak permintaan daripada ibu bapa pelajar supaya anak mereka dapat pulang ke rumah.

"Bagaimanapun, mana-mana pelajar yang telah balik (ke rumah) tidak dibenarkan masuk ke kampus semula. Pelajar berkenaan boleh memohon kebenaran pulang ke kampung daripada fakulti masing-masing.

"Pada masa sama, mereka juga dikehendaki untuk mengemukakan surat akuan ibu bapa dan pelajar untuk keluar dari kampus di pejabat kolej kediaman masing-masing," katanya pada sidang media harian Covid-19 negeri Sabah di sini, Isnin.

Masidi berkata bagi pelajar yang tidak dapat pulang ke kampung mereka pada masa ini, UMS telah memberikan pelbagai bantuan dan mengadakan program untuk pelajar dalam kampus bagi memastikan kesihatan dan kebajikan pelajar berkenaan terjaga.

"Ini termasuk bantuan makanan kering dan alat mandian selain pelitup muka dan pensanitasi tangan, membuat ujian saringan Covid-19 bersasar, memberi khidmat kaunseling kepada semua pelajar secara dalam talian dan menyediakan bilik gerakan Hal Ehwal Pelajar yang beroperasi 24 jam," katanya.

Sementara itu, seramai 102 pelajar di lima buah institusi pendidikan di Labuan dihantar pulang ke kampung masing-masing di Lawas dan Limbang, Sarawak, melalui pengangkutan feri penumpang

dari Terminal Feri Antarabangsa Labuan, Isnin lepas.

Program penghantaran pulang kumpulan pertama pelajar itu merupakan inisiatif Pejabat Residen Limbang dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, susulan penutupan institusi pendidikan dan sekolah di seluruh negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan, Rithuan Ismail, berkata semua pelajar perlu menjalani ujian saringan Covid-19, diikuti kuarantine wajib selama 14 hari sebaik tiba di Limbang.

"Pihak JPBD Labuan telah menyelesaikan bahagian penyelarasan dengan memastikan semua pelajar menaiki bas seawal 6 pagi dan bertolak dari asrama masing-masing ke Terminal Feri Antarabangsa Labuan untuk menaiki feri yang menunggu pada 8.30 pagi.

"Mereka (pelajar) telah menjalani ujian yang ditetapkan dan barang-barang mereka telah disanitasi sebelum menaiki bas," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada pelajar berkenaan di terminal feri di sini.

Beliau berkata daripada jumlah itu, 48 adalah pelajar dari Sekolah Menengah Sains Labuan, 20 dari Kolej Matrikulasi Labuan, 15 dari Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 10 dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan dan sembilan dari Kolej Vokasional Labuan.

Rithuan berkata kira-kira 180 lagi pelajar dari Miri, Bintulu, Sibu dan Kuching, Sarawak, yang masih berada di asrama akan dihantar pulang menerusi penerbangan membabitkan kumpulan seterusnya.

"Kami telah menyerahkan senarai pelajar yang ingin pulang ke kampung halaman mereka di Sarawak kepada JPBN Sarawak untuk mengatur penerbangan," katanya.